



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
( OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA )  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
( MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA )  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196  
Fax: 26911436

Ruj. Kami: (37) KKM-87 (P20/901) Bhg. 3  
Tarikh: 10 September 2002

Pengarah Kesihatan Negeri

.....

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Dato/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 7 / 2002  
GARISPANDUAN PENGESAHAN RAWATAN PESAKIT KRONIK TIDAK  
BERKEMAMPUAN YANG INGIN MEMOHON DERMA MELALUI MEDIA UNTUK  
MEMBIAYAI RAWATAN PERUBATAN NYA**

-----

**1 TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan prosidur bagi pengesahan rawatan pesakit kronik tidak berkemampuan yang ingin memohon sumbangan derma melalui media untuk membiayai rawatan perubatannya.

**2 LATARBELAKANG**

Sejak akhir-akhir ini media tempatan banyak menyiarkan berita mengenai kutipan derma untuk rawatan pesakit kronik. Isu yang telah ditimbulkan ialah tentang keperluan rawatan di hospital swasta dan penyalahgunaan wang yang didermakan terus kepada pesakit. Bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan, Kementerian telah mendapat persetujuan Kabinet untuk mengujudkan suatu sistem yang lebih telus dan berkesan bagi membantu pesakit kronik yang tidak berkemampuan.

### **3 PENGESAHAN RAWATAN PESAKIT KRONIK TIDAK BERKEMAMPUAN YANG INGIN MEMOHON DERMA MELALUI MEDIA UNTUK MEMBIAYAI RAWATAN PERUBATAN NYA**

Garis panduan ini menjelaskan peranan pihak media, dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan serta proses pengesahan rawatan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Garis panduan juga menjelaskan fungsi Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan yang akan bertanggungjawab mengurus wang derma yang disalurkan.

### **4 TANGGUNGJAWAB PENGARAH KESIHATAN NEGERI DAN PENGARAH HOSPITAL**

Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital bertanggungjawab memaklumkan perkara-perkara dalam garis panduan ini kepada semua pegawai dibawah tanggungjawabnya yang mana berkenaan.

### **5 PELAKSANAAN**

Garis panduan ini dilaksanakan serta merta.

### **6 PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan garis panduan ini hendaklah dikemukakan kealamat berikut,

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Cenderasari  
50590, Kuala Lumpur

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



TAN SRI DATU DR. HJ. MOHAMAD TAHA BIN ARIF  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

- s.k
- Ketua Setiausaha
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
  - Pengarah Perkembangan Perubatan

# **GARISPANDUAN PENGESAHAN RAWATAN PESAKIT KRONIK TIDAK BERKEMAMPUAN YANG INGIN MEMOHON DERMA MELALUI MEDIA UNTUK MEMBIAYAI RAWATAN PERUBATAN NYA**

## **1- TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan prosidur bagi pengesahan rawatan pesakit kronik yang tidak berkemampuan dan ingin memohon sumbangan derma melalui media untuk membiayai rawatan perubatannya.

## **2 LATARBELAKANG**

- 2.1 Sejak akhir-akhir ini media tempatan banyak menyiarkan berita mengenai pesakit kronik yang memohon sumbangan derma orang ramai untuk membiayai rawatan perubatannya. Isu yang telah ditimbulkan ialah rawatan perubatan diperolehi samada di hospital swasta ataupun diluar negara dengan perbelanjaan yang tinggi walhal rawatan tersebut ada terdapat di hospital kerajaan dan bayaran yang dikenakan lebih murah.
- 2.2 Orang ramai juga mula mempersoalkan tentang apa yang berlaku dengan wang derma yang berlebihan ataupun tidak sempat digunakan. Sumbangan derma biasanya diberi terus kepada pesakit atau dimasukkan kedalam akaun pesakit.
- 2.2 Bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan, Kementerian telah mendapat persetujuan Kabinet untuk mengujudkan suatu sistem yang lebih telus dan berkesan bagi membantu pesakit kronik yang tidak berkemampuan. Persetujuan juga diperolehi supaya semua sumbangan derma disalurkan kepada Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan yang telah sedia ditubuhkan di Kementerian.

## **3 PROSIDUR PENGESAHAN RAWATAN**

Carta aliran bagi pengesahan rawatan pesakit kronik adalah seperti dilampiran.

### **3.1 Peranan media**

Apabila pesakit tidak berkemampuan meminta bantuan pihak media untuk mengutip derma bagi rawatan penyakit kroniknya, pihak media akan merujuk kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk mendapatkan pengesahan tentang rawatan yang disyurkan oleh doktor.

### **3.2 Dokumen yang diperlukan**

Pihak media hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan dokumen-dokumen berikut,

- Maklumat pesakit



# CARTA ALIRAN PENGESAHAN RAWATAN PESAKIT KRONIK

